



***PROSEDUR OPERASI STANDARD  
DAN  
GARIS PANDUAN AM***

**KEBENARAN BEROPERASI BAGI PERLAKSANAAN  
KERJA-KERJA UBAHSUAI/KERJA-KERJA KECIL  
SERTA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN  
BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KERJA  
PENYELENGGARAAN SEMASA TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN  
PASCA PKP**

**(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA)**

**(PINDAAN 2021)**

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD DAN GARIS PANDUAN AM  
KEBENARAN BEROPERASI BAGI PERLAKSANAAN KERJA-KERJA  
UBAHSUAI/KERJA-KERJA KECIL SERTA KERJA-KERJA  
PENYELENGGARAAN BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KERJA  
PENYELENGGARAAN SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP) DAN PASCA PKP**

---

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pengenalan	3
2.	Definasi / Takrifan	3
3.	Tujuan	4
4.	Perkara yang Perlu dipatuhi	7
5.	Pemakluman Untuk Pengoperasian Kerja	11
6.	Jenis Kerja-Kerja Yang Dibenarkan	13
7.	Perlaksanaan Dan Pematuhan	13
8.	Penguatkuasaan	15
9.	Pengecualian	16

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Prosedur Operasi Standard (“SOP”) ini disediakan oleh Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar (BSIB), Perbadanan Putrajaya (“PPj”) berkenaan kebenaran kerja-kerja pembinaan diteruskan/disambung semula semasa \*Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) dikuatkuasakan, serta mengambilkira pelaksanaan kerja-kerja pembinaan semasa Pasca \*PKP atau masa seterusnya. (\*pindaan 2021)
- 1.2 Merujuk kepada perkara 1.1, SOP ini khusus kepada kebenaran untuk memulakan atau menyambung semula Kerja-Kerja-Kerja Ubahsuai Bangunan/ Kerja-Kerja Kecil / Kerja-kerja Penyelenggaraan Bangunan.
- 1.3 \*SOP ini juga adalah merujuk kepada SOP Pelaksanaan Kerja-Kerja Ubahsuai/Kerja-Kerja Kecil Serta Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (“PKPB”) Dan Pasca PKPB Tahun 2020 yang dikeluarkan terdahulu. (\*pindaan 2021)

## 2. DEFINASI / TAKRIFAN

- 2.1 Takrifan **Kerja-Kerja Ubahsuai (*renovation*) Bangunan** adalah merujuk kepada Kerja-Kerja Perubahan Bangunan yang telah diluluskan oleh PPj berdasarkan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai Bangunan setelah mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- 2.2 Takrifan **Kerja-Kerja Kecil** adalah merujuk kepada pelaksanaan Kerja-Kerja ubahsuai/tambahan (kecil) yang diluluskan oleh PPj berdasarkan Permit Kerja Kecil yang dikeluarkan oleh Bahagian Senibina Dan Inspektorat Bangunan (BSIB), Jabatan Perancangan Bandar, PPj, merangkumi kerja-kerja pemasangan/pendawaian/penambahan atau penukaran *equipment*/ bahan binaan sediaada dan lain-lain kerja kecil yang merujuk kepada Kelulusan Permit Kerja Kecil PPj.
- 2.3 Takrifan **Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan** adalah merujuk kepada pelaksanaan apa-apa kerja penyelenggaraan atau pembaikan semula terhadap Bangunan sediaada, samada di dalam ataupun di luar premis

bangunan, yang turut melibatkan peralatan bangunan sediaada ataupun peralatan yang digunakan/dipasang pada bangunan, meterial, *fitting*, penyelenggaraan kawasan persekitaran bangunan serta kawasan lapang di dalam plot bangunan sediaada.

- 2.3A \***Kerja-Kerja Penyelenggaraan** juga adalah termasuk kerja-kerja bagi maksud menyelenggara atau pembekalan item, membaiki atau baikpulih, kerja-kerja yang melibatkan pembersihan atau pengindahan, memeriksa/menukar/memasang apa-apa alat ganti/komponen, sepertimana yang dikehendaki untuk dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/mana-mana orang yang dilantik oleh PPj atau mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan terhadap sesuatu kerja tersebut. (*\*pindaan 2021*)
- 2.4 Takrifan **Bangunan** hendaklah merujuk kepada tafsiran “Bangunan” sepertimana dalam Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UuKBS) yang dikuatkuasakan pemakaiannya di W.P Putrajaya.
- 2.5 Takrifan “**Orang Utama Yang Mengemukakan**” (**PSP**) adalah seseorang (Arkitek/Jurutera Berdaftar/Pelukis Pelan Berdaftar) yang berkelayakan untuk mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk diluluskan.
- 2.6 \*Takrifan “**Kontraktor**” adalah pihak syarikat atau mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis/penguasa projek/pihak berkepentingan/pihak pelaksana projek untuk menjalankan kerja-kerja ubahsuai (*renovation*)/kerja-kerja kecil/kerja-kerja penyelenggaraan mengikut kontrak yang diberikan. (*\*pindaan 2021*)

### 3. TUJUAN

- 3.1 SOP ini adalah bertujuan untuk memperincikan tatacara proses kebenaran untuk Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/Mana-Mana Orang yang dilantik oleh pemilik premis untuk menjalankan kerja pembinaan atau tambahan binaan/kerja-kerja ubahsuai/kerja-kerja kecil/kerja-kerja penyelenggaraan premis bangunan/kerja-kerja penyelenggaraan lain, semasa \*PKP dan Pasca \*PKP. (*\*pindaan 2021*)

- 3.2 Mengambil kira keperluan pelabur, pihak berkepentingan (*stakeholder*), para peniaga, orang perseorangan (pemilik premis) yang terkesan akibat kegagalan menyediakan atau menyiapkan premis (bangunan) mereka untuk aktiviti perniagaan atau apa-apa industri perkhidmatan yang ditawarkan untuk warga Putrajaya yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) yang dikuatkuasakan *\*semula* oleh kerajaan bermula pada *\*13 Januari 2021*, PPj telah merangka suatu SOP bagi kebenaran menjalankan kerja-kerja ubahsuai premis bangunan yang boleh dilaksanakan pada tempoh *\*PKP* dan juga *\*Pasca PKP*, tertakluk kepada ketetapan yang disyaratkan oleh PPj. (*\*pindaan 2021*)
- 3.3 Pematuhan SOP ini perlu mengambil kira SOP lain yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi lain yang bertanggungjawab dalam rantai bekalan (*Supply chain*) industri pembinaan (ie. yang dikeluarkan oleh Pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)).
- 3.4 Kebenaran bagi menjalankan **Kerja-Kerja Ubahsuai (renovation) Bangunan** ini diberikan **KEUTAMAAN** untuk **[KATEGORI 1] - Premis Komersil, Pejabat dan Premis yang menjalankan aktiviti perkhidmatan awam**, bagi membolehkan premis bangunan terbabit dapat berfungsi dengan kadar segera dan seterusnya dapat menjana ekonomi wilayah/komersil yang telah tertangguh akibat pelaksanaan PKP.
- 3.5 Manakala pelaksanaan Kerja-Kerja Ubahsuai Bangunan untuk **[KATEGORI 2] - premis kediaman (residential)** yang diluluskan oleh PPj *\*selepas 13 Januari 2021* pula disyorkan untuk **ditangguhkan** sehingga PKP ditamatkan, atau **hanya dipertimbangkan untuk kebenaran menjalankan kerja-kerja di tapak tertakluk skop kerja dan berdasarkan penilaian secara “one to one basis”** untuk setiap permohonan ubahsuai tersebut. (*\*pindaan 2021*)
- 3.6 Mengambil kira keperluan pelaksanaan **[KATEGORI 3] - Kerja-Kerja Kecil dan Penyelenggaraan premis/Bangunan** (merangkumi semua jenis premis/bangunan), kebenaran menjalankan kerja-kerja tersebut **boleh diberikan** untuk dilaksanakan semasa PKP dan pasca PKP, tertakluk kepada ketetapan yang disyaratkan oleh PPj.

Jenis Premis	Ketetapan
<p><b>Kategori 1 :</b> Komersil, Pejabat, Premis Khas (yang dipertimbangkan PPj)</p>	<p><b>*Dibenarkan</b> (Bagi yang sedang dalam pembinaan &amp; telah diluluskan <u>sebelum</u> 13 Januari 2021)</p> <p>(tertakluk Ketetapan &amp; syarat)</p> <p><b>Ditangguhkan</b> sehingga Tamat PKP – atau kebenaran <u>berdasarkan</u> penilaian secara <u>“one to one basis”</u></p> <p>(*Bagi yang telah diluluskan tetapi <u>belum</u> <u>dimulakan kerja-kerja pembinaannya</u> pada tarikh 13 Januari 2021)</p> <p>(*Bagi kelulusan yang dikeluarkan oleh PPj <u>bermula</u> dari tempoh PKP - 13 Januari 2021)</p>
<p><b>Kategori 2:</b> Kediaman (<i>residential</i>)</p>	<p><b>*Dibenarkan</b> (Bagi yang sedang dalam pembinaan &amp; telah diluluskan <u>sebelum</u> 13 Januari 2021)</p> <p><b>Ditangguhkan</b> sehingga Tamat PKP – atau kebenaran <u>berdasarkan</u> penilaian secara <u>“one to one basis”</u></p> <p>(*Bagi yang telah diluluskan tetapi <u>belum</u> <u>dimulakan kerja-kerja pembinaannya</u> pada tarikh 13 Januari 2021)</p> <p>(*Bagi kelulusan yang dikeluarkan oleh PPj <u>bermula</u> dari tempoh PKP - 13 Januari 2021)</p>
<p><b>Kategori 3:</b> Kerja Kecil / Penyelenggaraan Bangunan (semua bangunan) /Kerja – Kerja Penyelenggaraan</p>	<p><b>Dibenarkan</b> (mengikut keperluan)</p> <p style="text-align: right;">(*pindaan 2021)</p>

- 3.7 Semua Kerja pembinaan boleh dihentikan dengan serta merta dan tindakan penguatkuasaan oleh PPj boleh diambil terhadap mana-mana orang/syarikat/kontraktor pembinaan, sekiranya mendapati pemilik premis/syarikat/kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis yang menjalankan kerja-kerja ubahsuai/tambahan binaan/menyelenggara premis bangunan telah gagal mematuhi Undang-Undang Bangunan atau apa-apa Undang-Undang yang dikuatkuasakan oleh PPj di Wilayah Persekutuan Putrajaya, serta SOP yang dikeluarkan oleh PPj ini.

#### 4. PERKARA YANG PERLU DIPATUHI

- 4.1 Surat Pemakluman Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan oleh pihak PPj hendaklah **dipamerkan dengan jelas** di tapak bina/ premis. Kebenaran beroperasi adalah berdasarkan Surat Kelulusan Permohonan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai/Kelulusan Permit Kerja Kecil/Kelulusan Menjalankan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan yang telah dikeluarkan oleh PPj dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang dikeluarkan oleh PPj.
- 4.2 Bagi Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai yang dikemukakan oleh PSP, pelaksanaan/pengoperasian kerja-kerja di tapak/tapak bina adalah dibawah tanggungjawab sepenuhnya oleh PSP tersebut. Mana-mana pelaksanaan untuk memulakan kerja atau menyambung semula kerja pembinaan yang tertangguh perlu melalui pengawasan dan kawalselia PSP sepertimana mengikut ketetapan Undang-undang Kecil (5.), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 yang dikuatkuasakan pemakaiannya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
*(\*pindaan 2021)*
- 4.3 Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis yang menjalankan kerja-kerja ubahsuai bangunan/penyelenggaraan bangunan hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina yang dikeluarkan oleh CIDB serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.

- 4.4 Merujuk kepada perkara 4.3, **SEMUA PEKERJA** yang terlibat di dalam kawasan tapak bina **WAJIB** menjalani **UJIAN MAKMAL COVID-19**, sebelum kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan/diteruskan/disambung semula di tapak bina. Satu salinan rekod keputusan Ujian Makmal perlu dikemukakan kepada PPj sebelum Pemakluman Kebenaran Memulakan/Menyambung Semula kerja-kerja di tapak boleh dikeluarkan oleh PPj.
- 4.5 Kontraktor/ Syarikat hendaklah mengemukakan kepada PPj keseluruhan senarai pekerja yang terlibat di dalam kawasan tapak bina semasa tempoh PKP/PKPB. Kontraktor/ Syarikat mestilah memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke tapak bina/ premis/tapak bina sahaja.
- 4.6 Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis yang menjalankan kerja-kerja ubahsuai bangunan/penyelenggaraan bangunan hendaklah memastikan diri mereka berada dalam keadaan sihat. Bagi syarikat yang berdaftar dengan tred (CIDB), perlu menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari kepada semua pekerja pembinaan yang terlibat. Pihak yang dilantik oleh pemilik premis perlu memastikan hanya pekerja yang tidak mempunyai gejala kesihatan yang sempurna boleh berada di tapak bina dan hanya dengan kadar yang minimum.
- 4.7 Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5 ° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja yang berkaitan **tidak dibenarkan** memasuki kawasan tapak bina/premis dan perlu merujuk pekerja tersebut (dengan pekerja memakai mask) ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.
- 4.8 Waktu pelaksanaan **KERJA-KERJA UBAHSUAI** premis/bangunan yang telah diberikan kelulusan oleh PPj adalah seperti berikut:



**Masa Bekerja** : Dari jam **8.00 pagi** sehingga **\*6.30 petang**

**Hari Bekerja** : **6 hari seminggu** (Isnin hingga Sabtu)

Ahad & Hari Kelepasan Am: **TIDAK DIBENARKAN**

**Kerja Lebih Masa** : **TIDAK DIBENARKAN** (Selaras dengan ketetapan / Perintah MKN /\* SOP KKR yang dikuatkuasakan)

4.9 Waktu pelaksanaan **KERJA-KERJA KECIL / PENYELENGGARAAN** premis/bangunan/\*kerja yang telah diberikan kelulusan oleh PPj adalah seperti berikut:

**Masa Bekerja** : Dari jam **8.00 pagi** sehingga **\*6.30 petang**

**Hari Bekerja** : **Tidak tertakluk**

**Kerja Lebih Masa** : **TIDAK DIBENARKAN**

*(\*pindaan 2021)*

4.10 Pemilik Premis/Kontraktor/Syarikat/Mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis untuk menjalankan kerja-kerja ubahsuai/penyelenggaraan bangunan **PERLU MENGHADKAN** jumlah bilangan pekerja yang terlibat di tapak.

4.11 Bagi kerja yang memerlukan kerja pertukangan, pelaksanaan kerja pertukangan perlu dibuat di kilang/bengkel pertukangan dan hanya kerja-kerja pemasangan dilaksanakan di premis bangunan yang terlibat.

4.12 Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19, Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis bagi kerjakerja ubahsuai/penyelenggaraan bangunan perlu **MEMBERHENTIKAN**

**OPERASI DAN MENUTUP PREMIS/KAWASAN TAPAK BINA** dengan **SERTA MERTA**. Seterusnya memaklumkan perkara tersebut kepada PPj dan lain lain Agensi Berkaitan.

- 4.13 Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/ mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis adalah bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah kuman di tapak bina/ premis dan lain lain kos yang berkaitan. Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/ mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan kontak saringan (*contact tracing*) pekerja yang telah dijangkiti Covid-19 dan pengurusan kontak.
- 4.14 Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis perlu memastikan pengangkutan bagi pergerakan pekerja adalah daripada kediaman pekerja ke tapak kerja, dan mengamalkan *social/safe distancing*.
- 4.15 Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis hendaklah memastikan kenderaan mengangkut pekerja telah menjalani proses sanitasi dan nyah kuman setiap kali sebelum digunakan.
- 4.16 Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis hendaklah memberikan pemahaman terhadap garis panduan menangani Covid-19 kepada setiap pekerja dibawah seliannya untuk rantaian pemahaman mereka.

## 5. PEMAKLUMAN UNTUK PENGOPERASIAN KERJA

- 5.1 Kerja-Kerja Ubahsuai atau Penyelenggaraan Premis Bangunan **HANYA DIBENARKAN BEROPERASI** oleh PPj tertakluk mematuhi perkara berikut;

- i. **Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai / Permit Kerja Kecil / Kebenaran Melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan** telah dikeluarkan oleh PPj dan dalam tempoh sah laku.
- ii. **Perkhidmatan Profesional** bagi perkhidmatan senibina [Arkitek/Pelukis Pelan Berdaftar] atau kejuruteraan [Jurutera Berdaftar (civil) \*dengan perakuan amalan] selaku PSP, yang bertindak sebagai *Supervision Officer* untuk kerja-kerja ubahsuai/penyelenggaraan tersebut, masih berkuatkuasa.  
*(\*pindaan 2021)*
- iii. Senarai Nama Pekerja yang disertakan **Salinan rekod keputusan Ujian Makmal COVID-19 yang telah disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar** terhadap **SEMUA PEKERJA** (Pekerja Asing & Tempatan) yang terlibat di dalam kawasan tapak bina tersebut telah dikemukakan kepada PPj.
- iv. Tertakluk kepada Kerja-kerja penyambungan semula (bukan kerja baru), **Surat Kebenaran Beroperasi** akan dikeluarkan oleh PPj setelah mengambilkira status keadaan semasa di tapak premis yang mana boleh mendatangkan bahaya sekiranya kerja-kerja ditapak/premis ditinggalkan dalam tempoh yang lama.
- v. Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan (ie. masalah pendawaian, perpaipan atau apa-apa kerosakan bangunan – merujuk kepada kebocoran/tersumbat/keretakan/penggantian bahan atau meterial bangunan/penyelenggaraan pendingin Udara dan lain-lain yang tertakluk dengan kebenaran oleh PPj)

5.2 Pemilik Premis/Syarikat/Kontraktor/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis melalui Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) yang bertanggungjawab terhadap Kelulusan Pelan Kerja-kerja Kecil dan Ubahsuai tersebut **PERLU MENGEMUKAKAN NOTIS PEMAKLUMAN SECARA BERTULIS** untuk memulakan/memulakan semula kerja-kerja di tapak/premis.

Sekiranya Kerja-Kerja di tapak telah diberhentikan melebihi selama 90 hari atau mana-mana kerja ubahsuai belum dimulakan di tapak, **Borang B (Notis Memulakan/Menyambung Semula Kerja-Kerja Di Tapak)** hendaklah dikemukakan sepertimana mengikut ketetapan Seksyen 70(9), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).

5.3 - *Dikeluarkan* - .

5.4 PPj berhak/boleh **MELARANG** atau **TIDAK MEMBENARKAN PENGOPERASIAN KERJA-KERJA DI TAPAK** berdasarkan faktor berikut;

**Pembinaan Baharu /** : perkara 5.1 (i. hingga iii.) tidak dipatuhi  
**Penyambungan Semula**

**Nota:** Larangan adalah selaras dengan ketetapan Undang-undang Kecil (5), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam – Pengawasan Kerja.

5.5 Sebarang kebenaran untuk Memulakan atau Menyambung Semula Kerja-Kerja Pembinaan walaupun suatu kelulusan daripada pihak MITI/CIDB untuk pengoperasiannya telah diperolehi sebelumnya, adalah tertakluk dengan keputusan PPj selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya.

5.6 PPj boleh/berhak untuk menarik semula kebenaran atau mengarahkan kerja-kerja di tapak diberhentikan dan dikosongkan daripada pengoperasiannya pada bila-bila masa, berdasarkan penilaian terhadap keadaan semasa yang berlaku di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

5.7 Sekiranya suatu kebenaran/kelulusan memulakan atau menyambung semula kerja-kerja pembinaan di tapak telah diperolehi, suatu pengemukaan JADUAL PERLAKSAAAN KERJA adalah diperlukan untuk pengesahan PPj.

## 6. JENIS KERJA-KERJA YANG DIBENARKAN

- 6.1 Jenis Kerja-Kerja yang dibenarkan adalah tertakluk dengan skop kerja/projek yang diluluskan oleh PPj berdasarkan surat kelulusan yang telah dikeluarkan oleh PPj. [Merujuk Kepada Perkara 5.1]
- 6.2 Kerja-Kerja Ubahsuai Bangunan yang telah pun dimulakan sebelum tempoh PKP dilaksanakan pada \*13 Januari 2021 – tertakluk kerja-kerja tersebut yang ditinggalkan/tidak diteruskan boleh mendatangkan bahaya kepada bangunan sediaada atau mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan kerjakerja ubahsuai yang sedang dilaksanakan. (*\*pindaan 2021*)
- 6.3 Kerja-Kerja Ubahsuai (renovation) Bangunan yang merujuk kepada perkara 3.4 & 3.5, dan telah mendapat kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai yang dikeluarkan oleh PPj.
- 6.4 Kerja-kerja Kecil atau kerja-kerja \*penyelenggaraan [merujuk perkara 5.1 (iv. & (v.))] - tertakluk kepada keperluan tertentu (mendesak atau kecemasan), mana-mana kerja-kerja kecil yang hendak dilaksanakan itu perlu dilakukan dengan kadar segera bagi mengelakkan kesusahan mana-mana pihak. (*\*pindaan 2021*)
- 6.5 Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan - Pemilik Bangunan yang telah diberikan Notis Arahan oleh PPj supaya kerja-kerja penyelenggaraan atau pembaikan semula bangunan dilaksanakan dengan kadar segera/serta-merta.
- 6.6 Kesemua pelaksanaan projek yang dibenarkan adalah tertakluk kepada pematuhan penuh Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina.

## 7. PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN

- 7.1 **Pemakluman Kebenaran Beroperasi** akan dikeluarkan oleh PPj kepada PSP yang bertanggungjawab terhadap projek pembangunan/ubahsuai bangunan yang dilaksanakan, pemilik atau mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis yang hendak melaksanakan kerja-kerja kecil/penyelenggaraan bangunan/kerja-kerja penyelenggaraan lain.
- 7.2 SOP ini hendaklah dibaca bersama SOP Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah

Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh MITI / KKR serta lain-lain SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.

- 7.3 Selain daripada itu, SOP ini juga perlu merujuk kepada butiran terperinci Senarai Semak [Sektor Pembinaan: Kerja Pembinaan Ubahsuai Dan Penyelenggaraan Bangunan] yang dikeluarkan oleh PPj.
- 7.4 Pemilik premis/PSP/Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis hendaklah melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja mengikut skop kerja yang akan dilaksanakan di tapak bina.
- 7.5 Adalah menjadi tanggungjawab Pemilik Premis/PSP/Kontraktor/Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis untuk merekod tahap kesihatan setiap orang pekerja yang terlibat di tapak/premis, bagi tiap-tiap hari ianya berkerja di tapak/premis, sepertimana merujuk keperluan di perkara 3.3 yang telah dinyatakan sebelumnya.
- Nota:** Sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja kerana demam atau bersimptom, perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Putrajaya.
- 7.6 Pemilik Premis/PSP/Kontraktor/ Syarikat/mana-mana orang yang dilantik oleh pemilik premis hendaklah memastikan kawalan pergerakan para pekerja hanya melibatkan pergi dan balik daripada kediaman pekerja ke tapak pembinaan sahaja.
- 7.7 Kawasan tapak bina/premis perlu dikosongkan dengan kadar segera setelah tempoh waktu bekerja tamat (merujuk tempoh waktu bekerja di perkara 4.5 & 4.6)
- 7.8 Semua Pekerja Pembinaan / Mana-Mana Orang adalah **DILARANG / TIDAK DIBENARKAN** untuk tinggal atau mendiami Kawasan Tapak Bina/premis tanpa suatu kebenaran yang sah daripada PPj.
- 7.9 Semua kenderaan atau bahan binaan yang dibawa masuk ke tapak bina/premis perlulah disanitasi. Pemandu kenderaan membawa bahan

masuk juga perlu disaring dengan mengambil suhu badan dan menggunakan hand sanitizer.

- 7.10 Kontraktor/ Syarikat perlu mempunyai Protokol Tindak Balas Kecemasan (Emergency Response Protocol) yang menyatakan apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan Covid-19 atau pun kes siasatan jangkitan Covid-19 terhadap pekerja.
- 7.11 Kehendak-kehendak lain dalam SOP ini hendaklah dibaca bersama *Prosedur Operasi Standard Am Dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Projek Pembinaan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Dokumen 1) 2020 Kementerian Kerja Raya/Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)*.

## 8. Penguatkuasaan

- 8.1 Hanya Premis/Tapak Bina yang mempunyai Pemakluman Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan oleh PPj **BOLEH DIBENARKAN** untuk beroperasi di tapak.
- 8.2 Mana-mana Surat Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan selainnya [oleh MITI/CIDB dan lain-lain Agensi Berkaitan] hendaklah sentiasa dalam simpanan dan boleh diakses/ditunjukkan pada bila-bila masa semasa pemeriksaan tapak dijalankan oleh pihak PPj atau mana-mana Agensi yang berkaitan.
- 8.3 PPj selaku Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui suatu Notis Bertulis boleh **MENGELUARKAN ARAHAN MENUTUP KAWASAN TAPAK BINA / MENGHENTIKAN OPERASI TAPAK BINA** dengan serta merta sekiranya mendapati berlakunya perkara-perkara berikut;
- i. Rekod/Keputusan Ujian Makmal COVID-19 sepertimana yang dikehendaki di perkara 5.1(iii.) tidak dikemukakan kepada PPj.
  - ii. Ketidapatuhan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit yang berkuatkuasa dalam tempoh PKP dilaksanakan

(pelanggaran terhadap kebenaran (bilangan pekerja, penjarakkan sosial, hand sanitizer, saringan suhu badan) yang diberikan).

- iii. Pelanggaran mana-mana akta/undang-undang kecil yang dikuatkuasakan oleh PPj selaku Pihak berkuasa Tempatan di W.P Putrajaya.
- iv. Pelanggaran mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan oleh mana-mana agensi di Malaysia.

8.4 Kegagalan mana-mana pihak mematuhi arahan PPj berhubung SOP ini akan menyebabkan tindakan Penguatkuasaan dan Undang-Undang akan dilaksanakan oleh PPj tanpa sebarang peringatan atau apa-apa notis yang akan dikeluarkan lagi.

8.5 Sebarang ketidakpatuhan Kontraktor/Syarikat/Mana-Mana Orang terhadap arahan pematuhan operasi tapak bina sepanjang PKP akan dilaporkan kepada pihak PDRM untuk tindakan yang sewajarnya.

8.6 PPj berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.

## 9. \*PENGECUALIAN

9.1 Pengecualian pemakaian SOP ini **HANYA** bagi pelaksanaan Kerja-Kerja Ubahsuai/Kerja-Kerja Kecil/Kerja-Kerja Penyelenggaraan bagi **Premis Kediaman Berstrata** yang mana perlu mengikut Pemakaian SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Sektor Pengurusan Strata.

*(\*pindaan 2021)*